



مجلس أئمّة إسلام
دان عادت ملايو فيرات

MAIPk

EDISI KEEMPAT 2017 BIL. KE-26

MAIPk TERIMA ANUGERAH INOVASI ZAKAT TERBAIK (AGIHAN) PERINGKAT KEBANGSAAN



BOT WAQAF PERAK AR-RIDZUAN

PROGRAM ZIARAH KORPORAT KE DAERAH
KUALA KANGSAR, LENGGONG DAN GERIK

TITAH

DULI YANG MAHA MULIA

PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1439H

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

TARIKH: 12 RABI'UL AWWAL 1439 / 1 DISEMBER 2017 (JUMAAT);**JAM: 10.00 PAGI****TEMPAT: PUSAT KONVENTSYEN AMAN JAYA, CASUARINA@MERU, IPOH.**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ

الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam diutus oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala untuk membawa rahmat kepada sekalian alam. Seisi alam diwarnai kebahagiaan melalui kejayaan usaha dakwah yang disampaikan oleh Baginda, mengabsahkan wahyu yang terkandung di dalam ayat 107, Surah Al-Anbiya' bermaksud:

"Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam."¹

2. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam melalui pertuturan dan amalan, mencerminkan akhlak sebaik-baik pendidik, berjaya menyebarkan mesej besar akan pegangan akidah yang membawa umat mengamalkan keharmonian hidup di dunia, di dalam persiapan mendapat kesejahteraan akhirat. Baginda menyebarkan wahyu ILAHI melalui pendekatan dakwah yang sangat berkesan dengan mengamalkan sifat-sifat sabar, berlemah lembut, memaafkan dan berkasih sayang, sifat-sifat yang serasi dengan tabiat dan naluri manusia yang mahukan kebaikan.

3. Baginda berdakwah dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan, untuk memastikan umat mendapat hidayah dan petunjuk kebenaran, melalui kaedah yang selesa diterima hingga berjaya mendekatkan Baginda dengan umat.² Baginda sangat dikasihi dan senang didampingi. Baginda memberikan kepimpinan secara berlemah lembut dan amat mengasihi umat, disusuli dengan sikap berlapang dada, sabar dan tidak pernah berputus asa sekiranya terdapat umat yang menyimpang daripada kebenaran, seperti yang digambarkan di dalam surah at-Taubah:

"Sungguh, telah datang kepadamu seorang Rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaan yang kamu alami, (dia) sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, penyantun dan penyayang terhadap orang-orang yang beriman."³

4. Umat manusia yang berada dalam kegelapan senantiasa mencari-cari cahaya penyuluh. Para pendeta dan para ulama berperanan penting sebagai sumber yang berupaya menerangi hidup umat yang berada di dalam kegelapan. Pendekatan dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam hendaklah dijadikan sumber inspirasi oleh para pendeta dan para ulama, begitu juga institusi dan organisasi Islam dalam usaha membantu umat untuk menemui jalan yang mendapat keredaan ILAHI. Di dalam ayat 159, Surah Ali Imran, ALLAH Subhanahu Wata'ala menegaskan bahawa kata-kata yang buruk dan hati yang kasar akan menyebabkan umat yang diseru kepada kebaikan, berpotensi menjauhkan diri dan meninggalkan pendakwah yang bersifat sedemikian,⁴ kerana kata-kata yang buruk dan hati yang keras, adalah faktor yang boleh menyebabkan kegagalan kepada usaha muahu mengajak manusia ke arah kebaikan.⁵

¹Al-Quran, [Al-Anbiya'; 21;107]



5. Al-Quran turut memperingatkan agar penyeru kebenaran tidak mencari kesalahan orang lain, tidak bertanggapan buruk, dan tidak bersikap impresionistik. Islam menitikberatkan agar seorang Muslim dan Muslimah menjaga kehormatan saudaranya walaupun saudaranya telah melakukan kemungkaran. Ketika Ma'iz direjam terhadap pengakuan zinanya, maka lalulah dua orang yang terus menghina Ma'iz; Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam lantas memanggil mereka berdua, lalu menyatakan bahawa kata-kata yang mencerca Ma'iz, lebih jijik daripada bangkai keldai.⁶ Abu Dawud dan At-Tirmidzi telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, mengatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud:

"Adalah haram bagi setiap Muslim ke atas saudara Muslimnya: hartanya, kehormatannya dan darahnya. Cukuplah keburukan seseorang, bila ia menghina saudaranya sesama Muslim."⁷

6. Larangan terhadap mencari dan mengintai kesalahan orang lain telah diterangkan dengan jelas di dalam Al-Quran dan diperkuatkan lagi dengan dalil As-Sunnah. Di dalam Al-Quran, ALLAH menurunkan hukum melalui ayat 12 Surah Al-Hujurat yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa, dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah ada di antara kamu yang menggunjing sebahagian yang lain. Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik. Dan bertakwalah kepada ALLAH, sesungguhnya ALLAH Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam telah bersabda yang bermaksud:

"Jauhilah prasangka, kerana sesungguhnya prasangka adalah perkataan yang paling dusta. Janganlah kalian saling mencari-cari kesalahan orang lain, janganlah kamu saling mencuri-curi informasi, janganlah saling bersaing (dengan cara yang tidak sihat), janganlah saling mendengki, jangan saling membenci, dan jangan saling bermusuhan. Sebaliknya, jadilah hamba-hamba ALLAH yang bersaudara."⁸

7. Sikap mencari dan mengintai kesalahan orang lain merupakan pencerobohan terhadap kehormatan seseorang hamba. Tegahan untuk menjauhi prasangka merupakan suatu perintah daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala, disusuli dengan larangan Nya terhadap mencari kesalahan orang lain.⁹ Sesungguhnya, syariat ALLAH diturunkan dengan salah satu tujuannya untuk menjaga kehormatan manusia. Saidina Umar Radiallahuanhu pernah mendapat teguran terhadap perbuatan mengintai kesalahan orang lain.

8. Diriwayatkan Saidina Umar al-Khattab Radiallahuanhu, pada suatu malam ketika meronda di Madinah, terdengar suara seorang lelaki sedang menyanyi di dalam sebuah rumah. Baginda menuju ke arah suara tersebut, lalu mendapati ada seorang wanita bersama lelaki tersebut serta arak ada di sisinya. Berkatalah Baginda kepada lelaki tersebut, "Wahai musuh ALLAH, aku meyakini bahawa ALLAH akan meninggalkanmu, sedang kamu telah melakukan maksiat kepada Nya." Lelaki itu menjawab, "Wahai Amirul Mukminin, janganlah kamu lekas menghukumku, kerana sesungguhnya aku menderhaka kepada ALLAH hanya sekali, sedangkan kamu tiga kali menderhaka kepada ALLAH kerana ALLAH berfirman; janganlah kamu mencari kesalahan-kesalahan orang lain, sedangkan kamu telah mencari kesalahan ku. Dan ALLAH 'Azza Wajalla berfirman; bukanlah kebaikan kamu masuk ke rumah-rumah melalui pintu belakang, dan kamu telah masuk ke rumahku melalui pintu belakang. Dan ALLAH berfirman; janganlah kamu masuk ke rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu mendapat keizinan dan memberi salam kepada tuannya, dan kamu telah masuk tanpa keizinan dan tanpa memberi salam." Berkatalah Umar Radiallahuanhu; "Maka adakah kebaikan yang akan aku dapat daripadamu sekiranya engkau memaafkan aku?" Lelaki itu berkata, "Ya, demi ALLAH sekiranya engkau mendapatkan kemaafan daripadaku, aku tidak akan mengulangi kesalahan ini untuk selama-lamanya." Saidina Umar Radiallahuanhu, mendapat kemaafan lantas keluar dan meninggalkan lelaki tersebut.

9. Di dalam menghadapi perubahan pesat sosial budaya pada era kebangkitan teknologi, dan ketika menangani umat yang lebih literate, lebih terpelajar dan lebih terdedah, terutama di dalam menghadapi generasi muda, para penyeru kebenaran perlu meneliti metodologi dakwah, juga meneliti kaedah yang digunakan untuk menangani pelbagai isu agama. ALLAH Subhanahu Wata'ala telah memberikan garis panduan mengenai tatacara melaksanakan seruan ke arah kebaikan kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam dengan menegaskan tiga kaedah yang dapat memperkasa intelektualisme dakwah dan membawa kesejahteraan kepada ummah.

² Muhammad Rafa'at Said, Rasulullah SAW Profil Seorang Pendidik, terjemahan Bahasa Indonesia (Jakarta: CV Firdaus, 1994), 17.

³ Al-Quran, [At-Taubah, 9;128]

⁴ Ibnu Katsir, Sahih Tafsir Ibnu Katsir, terjemahan ke dalam Bahasa Indonesia (Bogor: Pustaka Ibnu Katsir, 2006), 339.

⁵ Muhammad Mahmud Al-Qadi, I'rab Al-Qur'an Al-Kareem, (As-Sayyidah Zainab: Al-Sahoh, 2010), 139.

⁶ Ibnu Katsir, 482.

⁷ Abu Dawud (4882) dan At-Tirmidzi (1927).

⁸ Al-Quran, [Al-Hujurat, 49; 12]

⁹ Riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu

¹⁰ Muhammad Mahmud Al-Qadi, 1031.

Pertama : pendekatan dakwah dengan hikmah,
Kedua : memberi pengajaran dan peringatan yang baik,
Ketiga : perdebatan dengan cara yang tertib dan sopan.

Tidak ada satu pun kaedah tersebut yang menganjurkan kekerasan, menjatuhkan kehormatan dan mencetuskan ketegangan. Sebaliknya, masyarakat dianjurkan untuk memperoleh kebaikan dengan cara yang bijak, sopan, tertib dan beradab.

10. Pendekatan hikmah turut didefinisikan tentang cara melaksanakan sesuatu urusan secara bijaksana, berlandaskan ilmu yang benar, serta bukti-bukti yang meyakinkan lagi mudah difahami akal.¹¹ Pengajaran dan peringatan yang disampaikan secara berhemah, mempunyai manfaat sehingga dapat meninggalkan kesan mendalam dalam hati orang yang diseru, di samping berusaha mendekatkan hati mereka kepada penyeru kebenaran.¹² Perdebatan untuk menegakkan kebenaran dan perbahasan untuk menolak ketidakbenaran, hendaklah dilakukan secara tertib, sopan lagi beradab, tanpa berprasangka, di dalam semangat persaudaraan, tanpa mencetuskan bibit-babit permusuhan¹³.

11. Islam sewajarnya dilindungi dan dikembangkan melalui pendekatan berhemah, secara sopan - secara terhormat, dilaksanakan tanpa paksaan, tanpa tekanan dan tanpa kekerasan; sama sekali tidak dilakukan perbuatan yang boleh menjatuhkan aib dan hendaklah menjauhkan perbuatan yang merendah-rendah atau menghina insan lain. Islam hendaklah dipertahankan kebenarannya dan dilindungi kesuciannya melalui perbincangan dan penghujahan berdasarkan fakta - berdasarkan kebenaran di dalam semangat yang menghormati kelainan dan perbezaan pandangan; dan selebihnya bertawakal kepada ALLAH yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

12. Malaysia adalah sebuah negara yang harum namanya lagi dihormati di kalangan negara-negara Islam dan bukan Islam kerana amalan kesederhanaan beragama. Hari ini kesucian dan nama baik Islam semakin dicarlarkan di negara ini oleh perbuatan individu dan pendirian institusi tertentu yang membenarkan para petugas melakukan pelbagai tindakan atas tujuan muhu menguatkuasakan peraturan untuk melindungi Islam. Kata-kata penghinaan yang diungkapkan, dan tindakan-tindakan berunsur dendam, ugutan, tangkapan, tahanan dengan kaedah soal siasat yang mengandungi elemen-elemen seksaan dan deraan, telah memberi imej tersangat negatif terhadap cara Islam diamalkan di negara ini.

13. ALLAH Subhanahu Wata'ala tidak sama sekali menurunkan sebarang kuasa kepada sesiapapun untuk menghukum seseorang itu sebagai ahli syurga atau ahli neraka. Islam tidak mengizinkan perbuatan memulau mana-mana kumpulan atau memutuskan silaturahim dengan mana-mana individu, hingga ke tahap penghinaan tidak muhu menguruskan jenazah seseorang individu yang telah meninggal dunia, hanya berpunca daripada perselisihan tafsiran dan pandangan. Perbuatan-perbuatan sedemikian adalah perbuatan melampau dan keterlaluan yang sangat bercanggah dengan sifat-sifat mulia yang dipamerkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Perbuatan dan tindakan sedemikian wajib diberhentikan; perbuatan sedemikian wajib dibanteras secara tegas.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Perbuatan dan tindakan sedemikian wajib diberhentikan; perbuatan sedemikian wajib dibanteras secara tegas.

14. Islam menganjurkan kesederhanaan. Oleh itu majoriti umat yang berpegang kepada amalan kesederhanaan, wajib bangun bersuara, dan suara majoriti ini jangan sama sekali merelakan untuk ditenggelami oleh kumpulan ekstrem yang minoriti. Umat hendaklah mengembalikan azam dan tekad untuk mendekatkan ummah dengan ALLAH Subhanahu Wata'ala, menjadikan Islam pakaian luaran dan pegangan dalaman, melalui pendekatan dakwah secara berhikmah, melalui pengajaran baik secara contoh – secara teladan, serta melalui perdebatan yang tertib, sopan lagi beradab.

15. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala melindungi kita daripada melakukan amalan-amalan yang bercanggah dengan nas-nas yang terkandung di dalam Al-Quran. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala memberikan hidayah agar kita dipertemukan dengan jalan direndai berpedoman Sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam.

Dengan lafadz Bismillahi Rahmani Rahim, Beta merasmikan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

¹¹ Ahmad Ghallusy, Dakwah Islamiah Siri Dua, terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia, (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1992),148.

¹² Ibid, 146.

¹³ Ibid, 147.



18,774 TERIMA AGIHAN BANTUAN PERSEKOLAHAN BAGI TAHUN 2018 BERJUMLAH RM3.7 JUTA

TAIPING – Satu Majlis Penyerahan Peruntukan Baucer Bantuan Persekolahkan bagi sesi persekolahan Tahun 2018 telah diadakan di Pejabat Pendidikan Larut, Matang dan Selama pada 27 Disember 2017. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed yang telah menyampaikan bantuan berkenaan kepada Pengarah JPN Negeri Perak, YBhg. Dato' Hj Mat Lazim Idris. Peruntukan ini akan diaghikhan kepada 12 Pejabat Pendidikan Daerah. Jumlah Bantuan Persekolahkan yang diaghikhan oleh MAIPk pada tahun 2018 adalah sebanyak RM3,754,800.00 melibatkan 18,774 orang pelajar.



BANTUAN BAUCER PERSEKOLAHAN MAIPk 2018

JUMLAH KESELURUHAN : RM 3,754,800.00

RM 200/PER-INDIVIDU

Penerima melalui Rumah Anak Yatim : 774 orang (RM154,800.00)

Anak-Anak Asnaf Fakir Miskin yang berdaftar dengan MAIPk : 5,500 orang (RM1,100,00.00)

Anak-Anak Asnaf Muallaf yang berdaftar dengan MAIPk : 5,500 orang (RM1,100.00)

Penerima melalui Jabatan Pendidikan Negeri Perak : 12,000,000.00 orang (RM2,400,000.00)

PROGRAM ZIARAH KORPORAT MAIPk 2017

GERIK - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Ziarah Korporat 2017 pada 31 Oktober hingga 1 November 2017 di beberapa lokasi yang terpilih di Zon Hulu Perak yang merangkumi daerah Kuala Kangsar, Lenggong dan Gerik. Peserta dan tetamu yang terlibat dianggarkan seramai 100 orang terdiri daripada wakil pelbagai agensi seperti syarikat korporat, GLC, Badan NGO, para media, blogger dan jemputan khas. Pada program Ziarah Korporat MAIPk 2017 ini ianya bermula di Kuala Kangsar dengan pihak MAIPk menyampaikan sumbangan bantuan baucar persekolahan kepada anak yatim dan fakir miskin, sumbangan perkapita kepada pengurusan anak yatim, pembinaan premis perniagaan, sumbangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan bantuan modal yang berkeseluruhan berjumlah RM2,006,521 juta dengan membabitkan sejumlah 5,843 penerima. Majlis penyampaian bantuan tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin.

Selain itu, antara program yang dianjurkan sepanjang 2 hari 1 malam ini ialah tinjauan mesra projek "1 Masjid, 1 Perniagaan Asnaf", lawatan ke Bangunan Asrama Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) yang telah siap dibina berharga RM15 Juta, majlis ramah mesra bersama asnaf dengan menziarahi ke rumah-rumah asnaf, makan malam korporat & majlis dialog bersama MAIPk dan diakhiri dengan menyantuni asnaf Muallaf di perkampungan Orang Asli RPS Kemar, Gerik. Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed serta pegawai-pegawai MAIPk lbu pejabat dan daerah-daerah. Program Ziarah Korporat ini telah mendapat maklum balas yang positif oleh semua pihak kerana program berkonsepkan 'konvoi & ziarah' seperti ini memberi peluang setiap peserta melihat sendiri secara langsung peranan yang dimainkan oleh MAIPk bagi membantu dan memperkasakan masyarakat melalui Dana Zakat. Peserta juga turut diberi pendedahan untuk merasai pengalaman tentang kepentingan dan keperitan hidup yang ditanggung oleh para asnaf selama ini. Program Ziarah Korporat ini merupakan platform yang terbaik untuk setiap agensi atau individu korporat menzahirkan rasa keprihatinan terhadap saudara sesama Islam yang kurang bernasib baik dalam kehidupan mereka. Semoga program Ziarah Korporat MAIPk, mampu menarik lebih ramai agensi dan individu korporat di luar sana untuk terus konsisten menuaikan fardhu zakat di MAIPk bagi membela nasib para asnaf di Negeri Perak khususnya. Sama-sama kita memelihara kesejahteraan ummah demi perpaduan dan kemajuan ummat Islam sejagat.



MAIPk TERIMA ANUGERAH ZAKAT KEBANGSAAN (INOVASI TERBAIK – AGIHAN)

KUALA LUMPUR – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menerima Anugerah Zakat Kebangsaan (Inovasi Terbaik – Agihan) bagi tahun 2017 di Majlis Perasmian Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) dan Seminar Pembangunan Serantau 23 November 2017 di Dewan Muktamar, Pusat Islam. MAIPk memenangi anugerah tersebut dengan mempertandingkan Sistem Pintar Pengurusan Agihan Zakat (i-Syura) yang merupakan suatu produk inovasi oleh MAIPk. Selain itu, pihak MAIPk turut memenangi Anugerah Ikon Asnaf Kategori Akademik, Dr. Ahmad Husni Bin Haji Hasan Pensyarah Kanan Universiti Sultan Azlan Shah dan Anugerah Ikon Asnaf Kategori Usahawan, Cik Nurhayati Binti Abdullah, seorang asnaf Muallaf yang menjalankan perniagaan dobi.

Anugerah tersebut disampaikan oleh YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin sempena Majlis Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2017 yang dianjurkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Tabung Haji (TH), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP).

Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan amalan ibadah zakat dan pengurusannya oleh pusat pengurusan zakat, menyedarkan umat Islam bahawa Dana Zakat yang diuruskan oleh institusi ini adalah sebagai pelengkap kepada program-program pembangunan sosio-ekonomi negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan, meningkatkan kefahaman dan keyakinan masyarakat mengenai kewajipan dan kepentingan sistem pengurusan dan perundungan zakat, memberi pendedahan mengenai produk-produk bantuan yang zakat serta mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara pusat-pusat pengurusan zakat dengan jabatan-jabatan, agensi-agensi, NGOs dan juga masyarakat dalam usaha memartabatkan syiar Islam melalui amalan berzakat di Malaysia.



PROGRAM JEJAK ASNAF DAERAH KAMPAR

KAMPAR – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Jejak Asnaf di daerah Kampar pada 3 Oktober 2017. Program Jejak Asnaf telah menyantuni asnaf di Mukim Kampar dan Mukim Teja yang keseluruhan berjumlah 10 orang keluarga asnaf. Program ini telah diketuai oleh Puan Hajah Wan Maizura Binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, diiringi oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf, En. Ahamad Muzammil bin Arbain dan Pegawai Baitulmal Daerah Kampar, En. Noraizad bin Rosli serta staf MAIPk ibu pejabat dan daerah. Kunjungan pihak MAIPk kali ini lebih menumpukan kepada bantuan bina rumah dan baik pulih rumah untuk diproses kerana ramai dikalangan asnaf yang tinggal di rumah yang sudah uzur dan daif. Pihak MAIPk turut memberikan sumbangan meringankan beban asnaf dengan menyampaikan bantuan barang dapur dan wang belanja.



PROGRAM JEJAK ASNAF DAERAH HILIR PERAK DAN BAGAN DATUK

TELUK INTAN – Pihak MAIPk telah mengadakan program Jejak Asnaf Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk pada 08 November 2017. Program ini diadakan bagi tujuan mengenal pasti dan membantu golongan asnaf yang terpinggir dan tidak menerima sebarang bantuan daripada mana-mana agensi. Sebanyak 10 buah rumah telah diziarahi oleh pihak MAIPk dan telah mengagihkan sumbangan barang dapur dan wang tunai kepada asnaf yang terpilih. Perlaksanaan program ini disempurnakan oleh SF. Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat dan hadir bersama Pegawai Baitulmal Daerah, MAIPk Teluk Intan serta kakitangan.



PERTINGKATKAN ILMU ASNAF MUALLAF DI TELUK BATIK

MUALLIM - Pada 26 Disember 2017, satu program kem pemantapan ibadah dan akidah telah dianjurkan oleh pihak MAIPk di Chalet Kenangan Pak Man Teluk Batik. Seramai 30 orang anak-anak asraf dari kumpulan Muallaf telah terpilih di dalam kawasan daerah Muallim dan Tapah. Program yang direncanakan selama 3 hari ini bertujuan bagi meningkatkan pemahaman, kemahiran dan pengetahuan di dalam melaksanakan ibadah sehari. Dengan kerjasama tenaga pengajar daripada Unit Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli, pelbagai pengisian berjaya dilaksanakan mengikut kesesuaian anak-anak Muallaf ini. Latihan Dalam Kumpulan, Tazkirah, Praktikal Ibadah dan Pemantapan Bacaan Dalam Solat menjadi fokus utama dalam mengukuhkan ilmu dan pengetahuan mereka agar ibadah yang mereka amalkan mengikut seperti yang telah disyariatkan dan mampu membimbing mereka kepada pekerja yang lebih baik. Kem ini berakhir pada 28 Disember 2017 telah berjaya memupuk semangat dan keyakinan anak-anak Muallaf ini untuk terus menjadi seorang insan yang lebih beriman beramal dan berjaya sebagai seorang anak, seorang pelajar dan seorang hamba Allah.



PROGRAM PEMANTAPAN IBADAH DAN AKIDAH REMAJA MASYARAKAT ORANG ASLI

BATU KURAU - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program Pemantapan Ibadah dan Akidah bersama remaja masyarakat Orang Asli pada 11 hingga 13 Disember 2017 di Mawaddah Resort, Chalet and Training. Program selama 3 hari ini mendedahkan peserta kepada kefahaman Islam dengan lebih jelas di samping memantapkan Ibadah dan Akidah di kalangan golongan remaja masyarakat Orang Asli. Para peserta juga turut diberi pendedahan dengan aktiviti seperti Ceramah, Slot Tazkirah, Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan Praktikal Solat. Diharapkan bimbingan di dalam program ini membantu remaja Orang asli ini mengamalkan kehidupan berpegang kepada amalan serta gaya hidup seperti yang dituntut dalam agama Islam.



PERHIMPUNAN BULANAN MAIPk DAN MAJLIS MERAIKAN PESARA PERKHIDMATAN MAJLIS

IPOH - MAIPk telah mengadakan Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil 2/2017 dan Majlis Meraikan Pesara Perkhidmatan Majlis yang bertempat di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali pada 12 Oktober 2017. Perhimpunan pada kali ini adalah anjuran bersama daripada beberapa bahagian iaitu Unit Perhubungan Korporat, Unit Pembangunan Ummah, Unit Perancangan Strategik dan Risiko, Unit Undang-Undang, Unit Pelaburan, Unit Audit Dalam dan Unit Teknikal. Majlis dimulakan dengan bacaan alunan suci Asmaul Husna, nyanyian lagu "Negaraku", lagu "Negeri Perak", bacaan doa, bacaan ikrar, dan paparan makluman aktiviti-aktiviti MAIPk sepanjang bulan Julai hingga September. Acara utama dimulakan dengan ucapan YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Acara diteruskan dengan tayangan multimedia pesara-pesara pekhidmat MAIPk yang diraikan iaitu Tuan Haji Zambri Khalid, Ustaz Hassan Karim dan Tuan Haji Halimin Abdollah. Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan Tuan Haji Zambri Khalid dan seterusnya penyampaian cenderahati kepada pesara-pesara yang telah disampaikan oleh KPE MAIPk.

Perhimpunan bulanan diteruskan lagi dengan sesi ulasan buku daripada Pegawai Bahagian Pemasaran MAIPk iaitu Ustaz Tasyreef Tarmizi dan Ustaz Latiff Talib yang mana telah menceritakan mengenai buku bertajuk Gaya Hidup Ranggi. Kemudian majlis diteruskan dengan acara memotong kek sempena majlis persaraan dan sambutan harijadi pekhidmat yang lahir pada bulan September dan Oktober 2017. Acara diteruskan lagi dengan sesi lelongan harta luqatah yang diadakan buat pertama kali di majlis perhimpunan bulanan ini dengan lelongan tersebut dikendalikan oleh KPE MAIPk serta turut dibantu oleh Encik Nabil Fikri bin Mohamad, Pengurus Bahagian Pelaburan. Majlis diakhiri dengan jamuan makan serta persembahan kumpulan Al-Irhs yang diketuai oleh En. Mohd Hafizie bin Abd Karim, Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar.



PROGRAM PEMANTAPAN KEROHANIAN DAN KECEMERLANGAN SPM 2017 PENERIMA SKIM BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL MAIPk


IPOH - MAIPk telah menyediakan satu skim bantuan yang dikhushuskan kepada pelajar sekolah menengah daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dalam bentuk bantuan Biasiswa Pelajaran dengan kadar sebanyak RM1,000.00 bagi satu sesi persekolahan. Skim bantuan ini merupakan salah satu usaha MAIPk dalam memastikan anak-anak asnaf terutamanya asnaf Fakir dan Miskin supaya tidak tercincir dalam pembangunan pendidikan yang mampu mengubah taraf ekonomi dan masa depan mereka kelak. Program bantuan Biasiswa Pelajaran ini telah bermula sejak tahun 2012. Tahun pertama pelaksanaan skim ini telah membuktikan pelajar dalam kalangan anak asnaf Fakir dan Miskin juga berpotensi untuk cemerlang dan pencapaian ini dapat dilihat dengan kejayaan 6 orang pelajar Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal 2012 yang mengikuti SPM 2016 telah menerima Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif dengan keputusan daripada 5A hingga ke 7A.

Pada tahun ini, sebagai satu usaha membantu pelajar-pelajar penerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk 2013 yang bakal mengikuti SPM 2017, MAIPk telah melaksanakan Program Pemantapan Kerohanian dan Kecemerlangan SPM pada 16 Oktober 2017 yang dianjurkan khas bagi membentuk sahsiah diri yang cemerlang berlandaskan modul-modul yang terpilih untuk membina jati diri pelajar yang positif dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Melalui program ini, diwujudkan Bengkel Skor A SPM yang meliputi subjek-subjek terpilih seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Program ini akan dibahagikan kepada 2 Slot iaitu Slot Motivasi dan Slot Bengkel Menjawab Soalan SPM. MAIPk mengharapkan usaha ini membawa hasil dan mampu membantu memudahkan pelajar-pelajar ini menjawab peperiksaan SPM yang akan berlangsung tidak lama lagi.



7 SYARIKAT SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM2.796 JUTA

KUALA LUMPUR - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menerima bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2016 berjumlah RM2.796 juta daripada tujuh buah syarikat pada 14 November 2017. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima cek zakat perniagaan bagi pihak MAIPk di Istana Perak, Changkat Persekutuan. Syarikat-syarikat berkenaan adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) RM1,154,663.84, KAF Investment Bank Berhad RM733,000.00, QSR Brands (M) Holdings Sdn. Bhd. RM401,790.03, Gas Malaysia Berhad RM193,000.00, Perak Integrated Network Services Sdn. Bhd., RM130,421.23, Rakyat Holdings Sdn. Bhd. RM100,000.00, Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad, RM83,811.10. Turut hadir majlis penyerahan zakat ialah Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri. Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Amiruddin Bin Muhammed.



PERMODALAN NASIONAL BERHAD SERAH ZAKAT RM5.865 JUTA KEPADA MAIPK

KUALA LUMPUR - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menerima bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2016 berjumlah RM5.865 juta daripada Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Istana Perak, Changkat Persekutuan pada 09 November 2017. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima cek zakat perniagaan bagi pihak MAIPk yang diserahkan oleh Pengurus Kumpulan PNB, YABhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar. Turut hadir majlis penyerahan zakat ialah Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Amiruddin Bin Muhammed.



MAJLIS SERAHAN SUMBANGAN WAKAF KEPADA MASJID AL-MUHAJIRIN DAN KOMPLEKS AL-UMMAH

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Wakaf kepada Jawatankuasa Pembinaan Masjid Al-Muhajirin dan Kompleks Al-Ummah pada 19 Disember 2017. Pembinaan Masjid Al-Muhajirin dan Kompleks Al-Ummah dibina di Lot 62595 Mukim Hulu Kinta. Penyerahan replika cek berjumlah RM100,000.00 dan RM50,000.00 diserahkan kepada Jawatankuasa Pembinaan Masjid dan Kompleks Al-Ummah bagi meraikan kedua-dua jawatankuasa tersebut yang telah bertungkus-lumus serta memberikan kerjasama dalam memastikan projek pembinaan tersebut berjalan lancar. Di samping itu, penganjuran majlis ini juga bertujuan bagi menghargai Mufti Negeri Perak YABhg. Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria yang telah membantu bagi melancarkan proses pembinaan ini. Pada majlis tersebut Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato’ Dr. Amiruddin Bin Muhamed telah menyempurnakan majlis penyampaian tersebut.



MAJLIS PENYERAHAN BOT WAQAF PERAK AR-RIDZUAN OLEH UNIKL MIMET KEPADA MAIPK

MANJUNG – Satu Majlis Penyerahan Bot Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) oleh UNIKL kepada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah diadakan di UniKL Mimet, Manjung pada 21 Disember 2017. Majlis penyerahan bot wakaf telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk YBhg Dato’ Dr. Amiruddin Bin Muhamed. Bot wakaf pertama yang diterima oleh pihak MAIPk telah dibina oleh pihak UniKL. Bot wakaf ini merupakan projek WPAR hasil sumbangan orang ramai yang mempunyai ukuran saiz 30 kaki panjang 8 kaki lebar serta dilengkapi dengan enjin bot 115hp dan 40hp, pukat, garmin, marine robot dan lain-lain kelengkapan. Bot-bot yang telah siap akan diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang dipilih. PNK tersebut akan menyewakan bot berkenaan kepada nelayan (tekong) yang merupakan ahli persatuan yang mempunyai kemahiran mengendalikan bot. Sebahagian hasil sewaan akan digunakan untuk penyelenggaraan bot dan sebahagian lagi akan dijadikan dana modal pusingan untuk membina bot wakaf baru. Di samping itu, penyumbang WPAR layak mendapat potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan di bawah subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.



BENGKEL DAN TAKLIMAT FASIL PERSEMPADANAN KARIAH MASJID DAERAH HULU PERAK

GERIK – Bahagian Hartanah Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Bengkel dan Taklimat Fasil Persempadan Kariah bagi masjid-masjid dalam Daerah Hulu Perak dengan melibatkan 35 buah masjid dalam daerah Gerik dan Pengkalan Hulu pada 05 Disember 2017. Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari jawatankuasa masjid berkaitan sempadan kampung bagi menentukan sempadan kariah masjid masing-masing. Persempadanannya penting untuk memastikan setiap masyarakat mengetahui penempatan mereka berada di bawah pengawasan sesuatu kariah. Bengkel ini telah disempurnakan oleh Pengurus Unit Pembangunan Hartanah, Encik Zulfadli Bin Baharum.



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BANTUAN PEMBANGUNAN ISLAM MAIPk 2017

IPOH - MAIPk telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan dan Bantuan Pembangunan Islam di Dewan Al-Ghazali, KIDR pada 29 Disember 2017. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah menyempurnakan majlis penyampaian tersebut. Sumbangan bantuan pembangunan Islam ini merupakan permohonan 2017 yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Masjid dan Surau serta Jawatankuasa Akaun Amanah Sekolah Agama Rakyat Negeri Perak. Sumbangan dan bantuan ini khusus kepada Masjid dan Surau, Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan juga agensi-agensi seperti Tadika Islam, Sekolah-sekolah Rendah/Menengah Kebangsaan, pengurusan kubur dan sebagainya.

Sumber Dana:

- Di dalam sumbangan dan bantuan yang disediakan oleh pihak MAIPk, antara sumber dana yang diwujudkan adalah;
- Tabung Amanah Masjid dan Surau dalam Negeri Perak:**
- Sumber kewangan tabung ini melalui tanah anugerah Kerajaan Negeri Perak seluas 2,500 ekar di Sungai yang ditanam dengan kelapa sawit dan diurus oleh PKEINPK.
- Sebaua dana ini hanya digunakan khas untuk membantu masjid-masjid dan surau-surau di dalam Negeri Perak mengikut keperluan.
- Tabung Amanah Sekolah-Sekolah Agama Rakyat dalam Negeri Perak**
- Sumber kewangan tabung ini melalui hasil daripada tanah anugerah Kerajaan Negeri Perak seluas 5,000 ekar di Perlop, Sg Siput dan diurus oleh PKEINPK.
- Sebaua dana ini hanya digunakan khas untuk membantu sekolah-sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di dalam Negeri Perak mengikut keperluan.
- Dana zakat Asnaf Fisabilillah.**
- Sumber kewangan adalah dari sebahagian peruntukan zakat dibawah asnaf fisabilillah bagi menampung untuk Bantuan Pembangunan Islam khusus bagi tadika Islam dan agensi lain mengikut keperluan.
- Peruntukan 2017**

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)
1	Tabung Amanah Masjid dan Surau dalam Negeri Perak	500,000.00
2	Tabung Amanah Sekolah-Sekolah Agama Rakyat dalam Negeri Perak	978,561.46
3	Dana zakat Asnaf Fisabilillah – Pembangunan Islam (Tadika Islam dan Lain-lain)	500,000.00
JUMLAH		1,978,561.46

• Perbelanjaan Keseluruhan 2017:

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)
1	Tabung Amanah Masjid dan Surau dalam Negeri Perak	469,116.00
2	Tabung Amanah Sekolah-Sekolah Agama Rakyat dalam Negeri Perak	961,917.21
3	Dana zakat Asnaf Fisabilillah – Pembangunan Islam (Tadika Islam dan Lain-lain)	145,510.00
JUMLAH		1,576,543.21



SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk



Sumbangan bantuan kewangan kepada ibu adik Muhammad Hafizuddin bin Abdul Rahim di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh pada 17 November 2017



Sumbangan bantuan perubatan kepada En. Abu Bakar Almudin, Malim Nawar pada 27 November 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Asmah di Semangkol pada 29 November 2017



Sumbangan bantuan bencana mangsa kebakaran kepada keluarga En. Mohammad Azree Badrol Aziz di Kampar pada 12 Disember 2017



Sumbangan bantuan perubatan kepada Puan Aminah Bt Ngah Sahar di Kampar pada 14 Disember 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada kepada Puan Maznah Harun di Kg. Sungai Star,Selama pada 20 Disember 2017



Sumbangan bantuan perubatan kepada En. Mohamad Muda di Kg. Lahar, Lenggong pada 29 Disember 2017



Sumbangan bantuan perubatan kepada Puan Norsihah Zainun di Kg. Temelong, Lenggong pada 29 Disember 2017

BERITA SANA SINI



KURSUS AUDIT KUALITI DALAMAN PADA 04 OKTOBER 2017



LAWATAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH PADA 06 OKTOBER 2017

LAWATAN JABATAN BENDAHARI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PADA 11 OKTOBER 2017PROGRAM JEJAK PENIAGA DI HILIR PERAK
DAN BAGAN DATUK PADA 12 OKTOBER 2017

PENYERAHAN BANTUAN BINA RUMAH DI TAIPING PADA 15 NOVEMBER 2017

PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN MAYBANK ISLAMIC
ASSET MANAGEMENT SDN BHD PADA 15 NOVEMBER 2017PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN CIMB ISLAMIC
BANK BERHAD PADA 16 NOVEMBER 2017

PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-201 PADA 21 DISEMBER 2017

WAQAF PERAK AR-RIDZUAN (WPAR)

1 PROJEK-PROJEK

	PROJEK	PENGGUNAAN DANA	PENERIMA MANFAAT
01	Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar USAS, Kuala Kangsar	Menyediakan penginapan pelajar dengan caj penginapan atas kos sebenar (penyelenggaraan, kelengkapan dan utiliti).	Pelajar USAS
02	Wakaf Ilmu Program MUMTAZ	Menyediakan kursus / bengkel menghadapi peperiksaan secara percuma.	Pelajar
03	Waqt Business Centre (WBC)/ Pusat Perniagaan Wakaf	Menyediakan premis perniagaan dengan sewa yang berpatutan.	Peniaga kecil
04	Wakaf Pembinaan Pusat Hemodialisis	Menyediakan rawatan dialisis dengan caj rawatan pada harga kos.	Pesakit Buah Pinggang (Asnaf)
05	Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al Quran	Menyediakan program pembelajaran dan penghayatan Al Quran secara percuma.	Umum
06	Wakaf Bot	Menyediakan bot dan peralatan lengkap dengan sewa yang berpatutan.	Nelayan persisiran pantai
07	Wakaf Dana Pembangunan Maahad Tahfiz	Menyediakan dana bagi pembangunan dan penyelenggaraan bangunan.	Maahad Tahfiz

2 PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN

Sumbangan wakaf anda layak mendapat potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan di bawah subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.
No. Rujukan (8.09)248/40/7-1338(SJ.164)(8)

Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967
Derma/hadiyah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan Negara yang diluluskan. Amaun adalah terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat.

3 KAEDAH BAYARAN :

1 Pembayaran di Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak

2 Pembayaran melalui FPX – Layari wakafperak.gov.my

3 Potongan Gaji Online – Layari wakafperak.gov.my

4 Internet Banking – Maybank2U.com

5 Pembayaran melalui EFT – Waqaf Perak Ar Riduan, No Akaun Maybank: 558024315712